

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD (LIPIS)

SOALAN NO. 19

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah penjawat awam dan swasta yang telah kehilangan pekerjaan dalam tempoh 9 bulan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tiada pegawai Kerajaan lantikan tetap yang diberhentikan. Walau bagaimanapun, sejak Jun 2018, hanya 1,691 (11.3%) pegawai daripada sejumlah pegawai lantikan kontrak seramai 14,869 orang telah ditamatkan kontrak kerana projek atau tugas yang dilaksanakan oleh pegawai berkenaan telah tamat dan tidak lagi diteruskan oleh agensi berkenaan, manakala 13,178 (88.7%) akan terus kekal berkhidmat.
2. Untuk makluman Dewan yang mulia, melalui rekod Jabatan Tenaga Kerja, bilangan pekerja yang diberhentikan bagi sektor swasta sehingga 31 Disember 2018 adalah seramai 23,168 orang pekerja yang melibatkan 17,236 (74.4%) pemberhentian biasa dan 5,932 (25.6%) pemberhentian sukarela (VSS).
3. Perbandingan mengikut sektor menunjukkan pemberhentian pekerja tertinggi berlaku dalam sektor Pembuatan bagi tempoh Januari hingga Disember 2018 iaitu sebanyak 11,254 (48.58%) pekerja terlibat. Diikuti dengan sektor Maklumat dan Komunikasi iaitu sebanyak 1,997 (8.62%) pekerja terlibat dan sektor Perdagangan Borong dan Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal sebanyak 1,425 (6.15%) pekerja terlibat.